

Date	31 July 2014
Publication	Berita Harian
Headline	George Kent bida kontrak RM15 bilion



EKONOMI

## George Kent bida kontrak RM15 bilion

2014/08/01 - 05:39:09 AM

Emel Kawan Cetak

George Kent (Malaysia) Bhd sedang membida kontrak bernilai sehingga RM15 bilion membabitkan dua bidang teras yang diceburinya iaitu infrastruktur serta pengeluaran [meter air](#) bersepadu bagi mengukuhkan asas pendapatannya.

Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Tan Kay Hock, (gambar), berkata syarikat kini mempunyai kontrak dalam tangan bernilai RM1 bilion menerusi pelbagai kerja infrastruktur yang sedang giat dimajukannya, termasuk projek sambungan aliran transit ringan (LRT) laluan Ampang.

### ① Giat membida

Katanya, kumpulan menyasar untuk meningkatkan nilai kontrak dalam tangan kepada sekurang-kurangnya RM5 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi memberikan pulangan lebih berdaya saing kepada pemegang saham.

“Berikutan itu, kami giat membida rangkaian projek infrastruktur serta sektor yang berkaitan meter air dengan nilai anggaran keseluruhan antara RM10 bilion hingga RM15 bilion dalam usaha meningkatkan nilai saham syarikat.

“Tumpuan akan diberikan kepada bidang kepakaran kumpulan kerana kami tidak mahu berkembang hanya semata-mata mahu berbuat demikian,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) dan mesyuarat agung luar biasa (EGM) kumpulan di Puchong, semalam.

Kay Hock berkata, kumpulan juga berhasrat mengukuhkan jenamanya yang dikenali dalam industri berkaitan meter air di rantau ASEAN ke peringkat lebih meluas, khususnya dalam kalangan negara Komanwel.